

PPP yakin Kayveas beri khidmat terbaik kepada rakyat

KUALA LUMPUR 25 Jun
— Parti Promesif Penduduk Malaysia (PPP) yakin Presidennya, Datuk M. Kayveas akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat walaupun tidak lagi menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Setiausaha Kerja PPP, A. Chandrakumanan berkata, pihaknya menyambut baik pelantikan baru Kayveas sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan menganggap jawatan baru yang disandang oleh Presiden PPP itu adalah lebih mencabar.

“Jawatan baru Kayveas juga bersesuaian dengan kredibiliti dan pengalaman beliau sebagai peguam,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan rombakan kecil Kabinet, semalam, berkata, Kayveas akan menjadi timbalan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

“Gandingan Kayveas dan Rais akan mampu memantapkan urusan berkenaan perundangan negara,” kata Chandrakumanan.

Menurut beliau, semasa menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kayveas telah berjaya membuat banyak perubahan terutamanya dalam isu projek-projek rumah yang terbengkalai dan isu rasuah membabitkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Selain itu katanya, Kayveas juga merupakan seorang Timbalan Menteri yang lantang menyuarakan kelemahan di dalam pentadbiran PBT dan isu-isu lain yang berkaitan.